

<p>LEMBARAN PENJELASAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Penjelasan Produk sebelum membuat keputusan Pembiayaan Modal Kerja -i Tawarruq. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat-syarat umum di dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada MBSB Bank Berhad jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma umum.</p>	<p>MBSB BANK BERHAD</p> <p>PEMBIAYAAN MODAL KERJA-i TAWARRUQ ("TWCF-I")</p> <p>TARIKH:</p>						
<p>1. Apakah produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembiayaan Modal Kerja-i <i>Tawarruq</i> ("TWCF-I") adalah kemudahan pembiayaan patuh Syariah yang diberikan oleh pihak Bank kepada pelanggan berdasarkan invoice dan dokumen sokongan lain bagi belian atau jualan mereka. ii. TWCF-i membolehkan pelanggan menyelesaikan pembayaran secara mudah dan memudahkan pengurusan aliran tunai. 							
<p>2. Apakah Konsep Syariah yang digunakan?</p> <p>Konsep Syariah yang digunakan adalah <i>Tawarruq</i> di mana komoditi digunakan untuk memudahkan transaksi Murabahah.</p>							
<p>3. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memudahkan pengurusan aliran tunai perniagaan dengan pembiayaan kadar tetap. ii. Menyediakan pembiayaan sehingga 100% daripada nilai invoice 							
<p>4. Apakah dokumen minimum yang diperlukan?</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Nota Kontrak TWCF-i ii. Bil Pertukaran (telah diterima oleh pelanggan) iii. Dokumen Komersial (Invoice and Dokumen Pengangkutan) iv. Lain-lain dokumen sokongan v. Tawaran dan Penerimaan Jualan 							
<p>5. Bagaimanakah produk ini beroperasi?</p> <table border="1" data-bbox="199 1568 1428 1736"> <tr> <td>1.</td> <td>TWCF-i hanya dibuat selepas mematuhi terma dan syarat dalam Permohonan Kredit atau Surat Tawaran.</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>TWCF-i adalah untuk pembiayaan modal kerja dan BUKAN untuk pembelian aset tetap</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Harga (kadar keuntungan) boleh disebut berasaskan Kadar Asas Pembiayaan (KAP) atau berasaskan Kos Dana (KD) bergantung kepada kekuatan kewangan anda dan penilaian kredit bank.</td> </tr> </table>		1.	TWCF-i hanya dibuat selepas mematuhi terma dan syarat dalam Permohonan Kredit atau Surat Tawaran.	2.	TWCF-i adalah untuk pembiayaan modal kerja dan BUKAN untuk pembelian aset tetap	3.	Harga (kadar keuntungan) boleh disebut berasaskan Kadar Asas Pembiayaan (KAP) atau berasaskan Kos Dana (KD) bergantung kepada kekuatan kewangan anda dan penilaian kredit bank.
1.	TWCF-i hanya dibuat selepas mematuhi terma dan syarat dalam Permohonan Kredit atau Surat Tawaran.						
2.	TWCF-i adalah untuk pembiayaan modal kerja dan BUKAN untuk pembelian aset tetap						
3.	Harga (kadar keuntungan) boleh disebut berasaskan Kadar Asas Pembiayaan (KAP) atau berasaskan Kos Dana (KD) bergantung kepada kekuatan kewangan anda dan penilaian kredit bank.						
<p>6. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?</p> <p>Selain daripada duti setem dan yuran guaman, fi broker juga dikenakan seperti yang ditentukan oleh broker komoditi berkaitan transaksi Tawarruq sebagai sebahagian daripada fi dan caj.</p>							
<p>7. Bagaimana jika saya menyelesaikan pembiayaan sebelum tarikh matang?</p> <p>Penyelesaian awal adalah dibenarkan tertakluk kepada pembayaran penuh Harga Jualan Bank. Ibra' (rebat) akan diberikan mengikut keperluan peraturan dan apa-apa terma dan syarat lain yang dinyatakan dalam surat tawaran dan / atau perjanjian pembiayaan.</p>							

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika maklumat hubungan saya berubah?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat hubungan anda bagi memastikan semua surt-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, anda boleh memaklumkan kepada kami secara bertulis atau menghubungi kami melalui salah satu saluran berikut:

1. Sila lawati Cawangan Utama anda.
2. Sila hubungi Pusat Talian kami di 03-2096 3000

9. Di manakah saya boleh menerima bantuan dan ganti rugi?

Sekiranya anda menghadapi sebarang masalah dalam memenuhi tanggungjawab anda, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran. Ini untuk mengelakkan apa-apa tindakan undang-undang terhadap anda sekiranya anda tidak boleh membayar bil anda.

Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

Pusat Perhubungan Pelanggan

Tingkat 7, Wisma MBSB,
48, Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur
Telefon : 03 - 2096 3000
E-mel : enquiry@mbsbbank.com

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak bank, anda boleh menghubungi

Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Telefon: 1-300-88-5465
Faks: +603-2174 1515
E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila layari laman web kami di www.mbsbbank.com atau hubungi Pengurus Perhubungan anda.

11. Servis perdagangan lain yang tersedia:-

- i. Surat Kredit-i Wakalah
- ii. Jaminan Bank-i
- iii. Surat Kredit-i Murabahah
- iv. Surat Amanah -i

NOTA PENTING :
TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MENJELASKAN BAYARAN ATAS KEMUDAHAN INI

Maklumat yang disediakan dalam lembaran penjelasan ini adalah sah pada: 19 July 2018